

## Penyelesaian Pertikaian di bawah Konvensyen Undang undang Laut Antarabangsa

(Dispute Settlement under the Law of the Sea Convention)

MAHFUZAH HAMIZAH BINTI MOHD ARIFF  
NURUL IMAN BINTI KHAIRUL ANWAR  
NUR ILYANA BINTI EZWAN

### ABSTRAK

Konvensyen Undang-Undang Laut Antarabangsa 1982 telah memperuntukan empat kaedah yang boleh digunakan oleh negara-negara ahli untuk menyelesaikan pertelingkahan. Kaedah yang pertama adalah melalui Tribunal Antarabangsa Undang-undang Laut (ITLOS) yang ditubuhkan selaras dengan lampiran VI, manakala kaedah yang kedua pula adalah merupakan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (MKA). Kaedah yang ketiga dan keempat adalah melalui tribunal timbang tara yang ditubuhkan dibawah Lampiran VII dan akhir sekali, tribunal timbang tara khas yang ditubuhkan dibawah Lampiran VIII untuk dua atau lebih pertikaian yang dikhususkan. Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat kaedah-kaedah penyelesaian pertikaian dengan melihat prosedur-prosedur yang telah ditetapkan dibawah KUULA 1982. Selain itu, kajian ini akan melihat kes-kes yang telah diputuskan yang menggunakan kaedah penyelesaian pertikaian seperti yang telah dinyatakan seperti kes penambakan laut oleh Singapura di sekitar Johor, kes *Anglo-Norwegian Fisheries* yang melibatkan antara United Kingdom dan Norway, Kes *North Sea Continental Shelf* antara Jerman dan Denmark dan kes tuntutan China terhadap Laut China Selatan yang melibatkan Republik Filipina dan Republik China. Di samping itu, pengkaji akan mengkaji bidang kuasa institutusi yang terlibat dalam menyelesaikan masalah pertikaian di laut sesama negara ahli. Pengkaji juga akan membincangkan isu-isu berkaitan dengan institusi yang dinyatakan seperti pertembungan antara ITLOS dengan MKA, kritikan terhadap kes yang diputuskan oleh institusi yang berkaitan dan sebagainya. Metadologi yang digunakan oleh pengkaji adalah kajian perpustakaan sahaja. Akhir sekali, pengkaji dapat melihat bahawa penyelesaian pertikaian dibawah KUULA 1982 dapat memberi jalan keluar kepada negara yang bertelingkah dengan penuh diplomasi.

Kata Kunci: undang-undang laut antarabangsa, Mahkamah Keadilan Antarabangsa, Timbang Tara, penyelesaian pertikaian

### ABSTRACT

*The UN Convention on the Law of The Sea 1982 provides four forums that can be used by Member States to settle any disputes. The first forum is the International Tribunal for the Law of the Sea (ITLOS) which was established in accordance with Annex VI, while the second forum is the International Court of Justice (ICJ). The following forums are the Arbitral Tribunal under Annex VII, and the Special Tribunal established under Annex VIII for two or more of the categories of disputes specialized. This study is conducted to identify the methods of dispute settlements and to observe the procedures provided in the UNCLOS 1982. Furthermore, this study will observe the cases conducted by those different means of dispute settlement such as the case concerning the land reclamation by Singapore around Johor, the Anglo Norwegian Fisheries case involving the United Kingdom and Norway, the North Sea Continental Shelf case between Germany and Denmark, and the case concerning China's claim towards the South China Sea involving the Republic of Philippines and the Republic of China. In addition, this research will study the jurisdiction of the institutions involved in settling the disputes between State Parties. This study also discusses the issues regarding the mentioned institutions such as the conflict between the ITLOS and the ICJ, criticism against the cases decided by the said institutions and many more. Moreover, the research methodology mainly used in this study is by way of library research. Lastly, the author observes that the dispute settlements under the UNCLOS 1982 provide a solution for disputing parties in a diplomatic manner.*

Keywords: international sea law, International Court of Justice, Arbitral Tribunal, dispute settlement

## PENDAHULUAN

Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menetapkan bahawa setiap negara ahli mempunyai tugas untuk menyelesaikan apa-apa persengketaan atau pertelingkahan yang berlaku secara aman tanpa melibatkan perperangan atau kekerasan, sesuai dengan prinsip penubuhannya iaitu mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa seperti yang digariskan dalam Fasal 1 Piagam PBB. Menurut Fasal yang sama, PBB berperanan mengambil langkah-langkah yang berkesan dalam menyelesaikan pertelingkahan antarabangsa serta bagi mengelakkan situasi yang menyebabkan pelanggaran kepada keamanan tersebut.

Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa 1982 (KUULA); iaitu perjanjian yang diwujudkan hasil daripada perbincangan dalam Persidangan PBB mengenai Undang-Undang Laut yang diadakan di Geneva pada tahun 1958 dan 1960 yang menekankan bahawa perlunya ada suatu Konvensyen baru berkaitan undang-undang laut yang diterima umum sering dirujuk untuk mengetahui tanggungjawab dan hak berkaitan dengan laut. Sekiranya berlaku pertelingkahan yang melibatkan laut, konvensyen tersebut ada menyediakan peruntukan khas yang menerangkan tentang kaedah penyelesaian pertikaian yang boleh diambil bagi menyelesaikan perselisihan antara negara-negara berkenaan laut. Dalam Fasal 33 Piagam PBB, dinyatakan bahawa dalam keadaan pihak-pihak berselisih dan mungkin memudaratkan keamanan antarabangsa, maka mereka perlu menyelesaikannya secara perundingan, penyelidikan, mediasi, perdamaian, timbang tara, penyelesaian kehakiman, menggunakan agen wilayah, atau cara lain yang damai atas pilihan mereka sendiri.

Fasal 279 KUULA 1982 juga menyatakan bahawa pihak-pihak negara harus menyelesaikan setiap perselisihan antara mereka mengenai penafsiran atau

pemakaian peruntukan dalam konvensyen ini dengan cara damai menurut pilihan mereka sendiri seperti kaedah yang diperuntukkan dalam Fasal 33 Piagam PBB. Fasal 280 KUULA 1982 pula menekankan bahawa penyelesaian pertikaian dengan cara damai tersebut mestilah seperti yang dipilih oleh para pihak bertelingkah.

Namun jika kaedah yang dinyatakan dalam Fasal 33 Piagam PBB atau Fasal 279 KUULA 1982 tidak berjaya untuk dilaksanakan bagi menyelesaikan pertelingkahan, maka KUULA ada menyediakan peruntukan yang khusus yang menyenaraikan kaedah penyelesaian pertikaian melalui cara kehakiman atau arbitrasi. Terlebih dahulu, Fasal 283 memperuntukkan bahawa perlunya ada pertukaran pandangan tentang kaedah penyelesaian pertikaian yang akan digunakan, seterusnya Fasal 284 yang menyatakan pihak-pihak bertelingkah boleh membuat tuntutan perdamaian (*conciliation*) yang mana telah memperkasakan keperluan melakukan jemputan untuk pendamaian dahulu sebelum menggunakan kaedah penyelesaian pertikaian lain. Menurut peruntukan yang sama, sekiranya pihak-pihak bertelingkah setuju untuk menyelesaikan pertelingkahan secara perdamaian, mereka harus mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh proses perdamaian dalam KUULA 1982 dan tidak boleh menghentikan perdamaian sebelum waktunya. Sekiranya jemputan untuk berdamai ditolak atau pihak-pihak gagal untuk menyetujui prosedur pendamaian, maka perdamaian dianggap telah berakhir. Pendamaian adalah proses yang mana perselisihan dikemukakan untuk dipertimbangkan oleh pihak bebas, tetapi tiada kewajipan untuk para pihak bertelingkah menerima kesimpulan pihak bebas tersebut.<sup>1</sup>

Selain itu, Fasal 286 KUULA 1982 ada menetapkan bahawa pilihan prosedur untuk menyelesaikan pertikaian boleh dibuat atas permintaan mana-mana pihak

bertelingkah kepada mahkamah atau arbitrasi yang mempunyai bidang kuasa di bawah seksyen ini iaitu Seksyen 2 KUULA 1982 yang menerangkan tentang prosedur yang wajib dilalui untuk mendapatkan suatu arahan atau keputusan yang mengikat pihak-pihak tersebut. Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa prosedur penyelesaian secara kehakiman atau timbang tara yang komprehensif yang mungkin boleh capai menurut peruntukan dalam konvensyen ini adalah atas permintaan salah satu pihak yang bersengketa.<sup>2</sup>

Seterusnya, Fasal 287(1) KUULA 1982 pula menetapkan pilihan bagi kaedah penyelesaian pertikaian yang boleh dipilih oleh negara-negara bertelingkah. Antaranya ialah: (a) Tribunal Antarabangsa untuk Undang-undang Laut, (b) Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), (c) Tribunal Timbang Tara menurut Lampiran VII dan (d) Timbang Tara Khas menurut Lampiran VIII.

#### **KAEDAH-KAEDAH PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

Seperti yang dijelaskan di atas, negara yang bertelingkah dapat memilih dari empat prosedur tersebut yang diperuntukkan di bawah Fasal 287(1) KUULA 1982 bagi membantu menyelesaikan pertikaian yang timbul.

#### **TRIBUNAL ANTARABANGSA UNDANG-UNDANG LAUT (ITLOS)**

##### **Latar Belakang**

Cetusan idea kewujudan Tribunal Antarabangsa untuk Undang-undang Laut (*International Tribunal for the Law of the Sea*) atau singkatannya ITLOS, adalah bermula di PBB dalam persidangan yang diadakan bertujuan untuk membincangkan perihal Undang-undang Laut pada tahun 1974 atas cadangan pihak delegasi daripada Amerika Syarikat<sup>3</sup>. Gagasan penubuhan sebuah tribunal yang khusus, juga melalui

cara alternatif lain dalam usaha menyelesaikan perselisihan yang timbul antara negara-negara ahli konvensyen adalah kerana kepentingan mereka untuk memiliki kepelbagaiannya dalam pilihan dan pada masa yang sama memberikan seluas mungkin pilihan untuk menyelesaikan pertikaian antara mereka.<sup>4</sup> ITLOS menjadi salah satu pilihan alternatif selain Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) untuk menyelesaikan suatu pertikaian yang timbul jika negara yang bertelingkah memilih untuk menyelesaikan pertikaian melalui jalan mahkamah.

Peruntukan 287(1)(a) KUULA 1982 ada menetapkan kedudukan ITLOS sebagai salah satu pilihan penyelesaian pertelingkahan bagi negara-negara yang bertelingkah setelah konvensyen ini telah diratifikasi atau ditandatangani. ITLOS telah ditubuhkan khusus bagi menyelesaikan pertelingkahan mengenai undang-undang laut pada Oktober 1996 dan terletak di Hamburg, Jerman.<sup>5</sup> Peruntukan mengenai tribunal ini telah dinyatakan dalam Lampiran VI KUULA 1982, namun rujukan utama bagi perselisihan yang berkaitan dengan ITLOS boleh didapati pada Bahagian XI dan XV dalam konvensyen.<sup>6</sup> Bahagian XI KUULA 1982 adalah berkaitan dengan dasar laut dalam dan Pihak Berkuasa Antarabangsa serta membahas penyelesaian perselisihan di kawasan tersebut. Manakala, Bahagian XV KUULA 1982 adalah untuk menangani penyelesaian pertikaian secara am.

##### **Komposisi Tribunal**

Bagi komposisi ITLOS, Fasal 2(1) dalam Lampiran VI iaitu Statut bagi Tribunal Antarabangsa untuk Undang-undang Laut ada menetapkan bahawa seramai dua puluh satu orang hakim yang tidak terikat dengan mana-mana pihak akan dipilih daripada kalangan pakar undang-undang laut bagi tempoh selama sembilan tahun yang dapat diperbaharui. Terdapat dua ciri-ciri asas bagi melayakkan pelantikan hakim-hakim tersebut yang dijelaskan dalam peruntukan

yang sama iaitu pertama, hakim mestilah mempunyai kepakaran dalam bidang undang-undang laut, dan kedua, hakim tersebut mestilah sentiasa adil dan tidak berat sebelah.

Fasal 2(2) pula menetapkan bahawa ITLOS "secara keseluruhan" mestilah mewakili "sistem undang-undang utama dunia". Oleh itu, hakim-hakim ini adalah dicalonkan oleh setiap negara ahli dari kalangan mereka sendiri (sekurang-kurangnya tiga orang anggota dari negara masing-masing) mengikut "kumpulan geografi seperti yang ditubuhkan dalam Perhimpunan Agung PBB". Kemudian mereka dilantik daripada senarai pencalonan tersebut melalui undi rahsia yang dilakukan oleh negara-negara ahli dengan jumlah undi tertinggi dan dua per tiga undi majoriti daripada negara ahli yang hadir mengundi<sup>7</sup> akan menjadi ahli dalam ITLOS tersebut.

### Fungsi dan Bidangkuasa

Bidangkuasa ITLOS tidaklah eksklusif untuk mendengar aduan pihak-pihak yang bersengketa kerana masih terdapat beberapa cara penyelesaian pertikaian lain yang terbuka untuk mereka, seperti yang dinyatakan dalam Fasal 287 KUULA 1982.

Penubuhan ITLOS adalah sebagai salah satu pilihan kaedah penyelesaian pertikaian yang ditubuhkan dengan tujuan untuk menyelesaikan sebarang perselisihan yang timbul antara negara-negara ahli bagi Konvensyen Undang-undang Laut 1982 dalam hal seperti tafsiran serta aplikasi peruntukan-peruntukan yang ada dalam KUULA 1982, termasuk tafsiran tentang pelaksanaan hak, kuasa dan tanggungjawab antara negara-negara apa-apa sahaja perkara berkenaan laut seperti hak ke atas perairan wilayah, hak ke atas laluan ikhlas, hak dan tanggungjawab antara negara pantai dan negara tanpa pantai, dan sebagainya.<sup>8</sup>

Walaupun tujuan utama ITLOS adalah untuk menjalankan bidangkuasanya dalam persoalan penafsiran dan

pengaplikasian KUULA 1982 serta perjanjian-perjanjian lain yang berkaitan<sup>9</sup>, namun Tribunal Antarabangsa untuk Undang-undang Laut ini tidak terbatas untuk memutuskan perkara-perkara tersebut sahaja<sup>10</sup>. Oleh kerana ITLOS turut memiliki bidangkuasa yang konsensual atau persetujuan bersama antara negara-negara yang bersengketa, maka ia tidak mustahil akan melibatkan perkara lain juga, namun perkara lain sedemikian hanyalah boleh dibicarakan berdasarkan amalan ITLOS itu sendiri.<sup>11</sup> Hal ini menunjukkan bahawa secara amalannya, bidangkuasa ITLOS tidaklah sempit untuk mendengar kes berkaitan tafsiran dan aplikasi KUULA 1982 semata-mata.

Fasal 21 dalam Statut Tribunal Antarabangsa untuk Undang-undang Laut pula hanya menyatakan tentang bidangkuasa ITLOS sebagai "merangkumi bidangkuasa untuk mendengar semua pertikaian dan semua permohonan yang dikemukakan kepadanya sesuai dengan peruntukan dalam KUULA 1982 dan semua perkara yang diperuntukkan secara khusus dalam perjanjian lain yang diberikan bidangkuasa di tribunal". Selain itu, ia juga memiliki bidangkuasa yang lebih luas untuk mendengar perselisihan yang melibatkan entiti lain selain negara ahli yang bertelingkah kerana adanya bidangkuasa konsensual tersebut, meskipun dalam kes yang terbatas untuk negara ahli sahaja (Boyle, 1997). Maka, secara amnya, bidangkuasa ini dapat memperluas skop pihak yang boleh terlibat dalam perbicaraan di ITLOS dan pada masa yang sama mengelakkan pemecahan bagi perselisihan yang wujud di samping menggalakkan perpaduan dan keseragaman dalam amalan pihak-pihak yang menggunakan laut.

### Prosedur Permohonan

Peraturan dan panduan berkenaan pelaksanaan perbicaraan kes di ITLOS adalah terkandung dalam KUULA 1982, Statut Tribunal di Lampiran VI dalam

KUULA 1982, Peraturan peraturan Tribunal yang digunakan pada 28 Oktober 1997 dan juga beberapa peruntukan lain yang berkaitan.

Menurut Fasal 24 Statut Tribunal Antarabangsa untuk Undang-undang Laut, apabila terdapat pertelingkahan, kes tersebut boleh ditujukan kepada Pendaftar secara permohonan bertulis atau pernyataan dalam perjanjian yang khas. Dalam kedua-dua keadaan tersebut, perkara subjek pertelingkahan tersebut dan pihak yang terlibat mestilah dimaklumkan dengan jelas. Kemudian Pendaftar akan memaklumkan tentang perjanjian khas atau permohonan bertulis tersebut kepada pihak yang berkenaan dan juga memberitahu perkara tersebut kepada semua negara ahli yang lain.

#### Isu Penambakan Laut antara Singapura dan Malaysia di Selat Johor:

##### Penghakiman ITLOS

Menurut pandangan Nik Anuar Nik Mahmud, Mohd Fuad Jali & Mohammad Agus Yusoff (2004), didapati bahawa Singapura sebenarnya telah bertahun-tahun lamanya melakukan kegiatan menambak laut di sekitar kepulauannya untuk menambahkan jumlah tanah daratan bagi negara tersebut sejak tahun 1950-an lagi. Pada peringkat awal, penambakan laut tersebut berfokus di kawasan selatan yang tidak menjelaskan kawasan Malaysia, namun, projek penambakan laut sehingga ke sekitar Selat Johor iaitu di kawasan Tuas dan Pulau Tekong telah menimbulkan bantahan daripada pihak Malaysia pada tahun 2002 kerana ia berisiko tinggi akan menjelaskan kepentingan dan kedaulatan Malaysia. Selain itu, kerosakan lain seperti pencemaran laut, kematian hidupan marin sehingga menjelaskan industri perikanan di sekitarnya serta kemusnahaan jeti turut berlaku kesan daripada penambakan oleh Singapura.

Pada 13 dan 14 Ogos 2003, Malaysia dan Singapura telah melakukan pertemuan delegasi sebagai langkah untuk

melakukan rundingan berkenaan penambakan laut yang dilakukan oleh Singapura seperti membincangkan penyelesaian bagi kerosakan yang telah disebabkan serta mengatasi masalah yang timbul berkaitan penambakan tersebut (Akmalhisham et. al, 2015). Meskipun Singapura menunjukkan tindak balas yang positif untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam rundingan tersebut serta telah memberikan nota diplomatik bagi menjamin kerjasama tersebut, namun mereka masih enggan untuk menangguhkan kerja menambak laut di Selat Johor khususnya di Pulau Tekong yang sangat hampir dengan wilayah Malaysia. Hal ini menyebabkan Malaysia membatalkan siri rundingan tersebut dan kemudiannya memfailkan kes ke ITLOS untuk memohon *provisional measures* pada 4 September 2003 menurut Fasal 290(5) KUULA 1982.<sup>12</sup>

Terdapat beberapa isu yang dibangkitkan antaranya mengenai keputusan Malaysia untuk menamatkan siri rundingan tersebut secara tiba-tiba dan seterusnya melakukan permohonan *provisional measures* ke ITLOS sedangkan pada waktu tersebut, proses rundingan dua hala masih berlangsung. Singapura mempersoalkan tindakan Malaysia ini. Alasan Malaysia bertindak sedemikian adalah kerana keengganan Singapura itu sendiri yang tidak memberhentikan penambakan tersebut semasa rundingan sedang berlangsung, oleh itu, Malaysia ingin segera mendapat perintah daripada ITLOS untuk menghalang penerusan tindakan menambak laut oleh Singapura bagi melindungi kepentingan Malaysia agar tidak terus mengalami kerosakan. Selain itu, ITLOS juga menolak dakwaan Singapura bahawa permohonan tersebut adalah pramatang kerana berdasarkan Fasal 283, proses rundingan awal mesti dilakukan sebelum membawa kes ke ITLOS, yang mana pertemuan delegasi pada 13 dan 14 Ogos 2003 telah memenuhi keperluan ini, maka permohonan Malaysia adalah sah.

Akhir sekali, ITLOS memutuskan

bahawa kedua-dua Malaysia dan Singapura harus bersama-sama menubuhkan Kumpulan Pakar Bebas (GOE) bagi membantu mereka dalam usaha menyelesaikan pertikaian antara mereka yang mana GOE mengesahkan dakwaan awal Malaysia iaitu aktiviti penambakan Singapura telah memberi kesan negatif kepada Malaysia, maka permohonan *provisional measures* Malaysia keatas Singapura adalah sah dan diterima atas dasar kes tersebut sangat kukuh untuk dibawa (Akmalhisham Jasni et. al, 2015).

#### MAHKAMAH KEADILAN ANTARABANGSA

Mahkamah Keadilan Antarabangsa (MKA) atau *International Court of Justice* (ICJ) merupakan salah satu forum penyelesaian pertikaian yang diakiraf oleh KUULA dan pada masa yang sama telah memberi sumbangan besar terhadap pembangunan undang-undang antarabangsa terutamanya dalam bidang undang-undang laut. Mahkamah ini telah ditubuhkan di bawah Piagam PBB pada tahun 1945 dan diiktiraf sebagai organ kehakiman utama PBB menurut Fasal 92 Piagam PBB serta bertempat di The Hague, Belanda.

Sebelum itu, mahkamah yang berfungsi adalah *Permanent International Court of Justice* (PICJ) daripada tahun 1922 sehingga ia dibubarkan selepas Perang Dunia Kedua. Menurut Lu (2004), MKA dilihat sebagai kesinambungan PCIJ oleh kerana kedua-dua mahkamah tersebut mempunyai jurisprudens dan perundangan yang sama.

Komposisi MKA terdiri daripada lima belas hakim daripada pelbagai kewarganegaraan<sup>13</sup> yang telah dilantik oleh Perhimpunan Agung dan Majlis Keselamatan<sup>14</sup> untuk tempoh 9 tahun.<sup>15</sup> Hakim-hakim ini merupakan individu-individu yang mempunyai ciri-ciri moral yang tinggi serta berkelayakan tinggi di dalam bidang undang-undang antarabangsa.<sup>16</sup>

Mahkamah ini mempunyai dua

peranan iaitu untuk menyelesaikan pertikaian yang dikemukakan oleh negara-negara menurut undang-undang antarabangsa, dan memberi pendapat nasihat kepada badan dan agensi antarabangsa yang sah berkaitan persoalan perundangan.<sup>17</sup> Peranan ini berasal daripada bidangkuasa mahkamah yang akan dijelaskan dengan lebih lanjut.

#### Bidangkuasa Mahkamah Keadilan Antarabangsa

Bidangkuasa MKA terbahagi kepada dua iaitu bidangkuasa *contentious* dan bidangkuasa *advisory*.

Bidangkuasa *contentious* merujuk kepada kuasa MKA untuk menyelesaikan pertikaian di antara negara-negara. Menurut Fasal 36(1) Statut, MKA mempunyai bidangkuasa dalam ‘semua kes di mana pihak-pihak bertikai merujuk kepadanya’. Ungkapan ini menunjukkan bahawa mahkamah hanya boleh menjalankan bidangkuasanya apabila pihak-pihak kepada pertikaian bersetuju untuk merujuk kes ke mahkamah. Oleh itu, bidangkuasa MKA bukanlah wajib (*compulsory*), tetapi hanya bersifat sukarela (*voluntary*) sahaja (Abdul Ghafur Hamid, 2019).

Bidangkuasa *advisory* pula merujuk kepada kuasanya untuk memberi pendapat nasihat (*advisory opinions*). Fungsi ini hanya terpakai kepada organisasi antarabangsa sahaja, negara-negara tidak terlingkung dalam bidangkuasa ini.<sup>18</sup> Menurut Fasal 96 Piagam PBB, *General Assembly* atau *Security Council* boleh meminta pendapat nasihat daripada mahkamah tentang apa-apa persoalan perundangan. Selain itu, organ lain di bawah PBB dan agensi yang diiktiraf oleh *General Assembly* juga boleh meminta pandangan nasihat daripada mahkamah berkenaan apa-apa persoalan perundangan yang timbul dalam skop aktiviti mereka. Secara mudahnya, *General Assembly* dan *Security Council* mempunyai hak untuk meminta nasihat daripada mahkamah. Di

samping itu, organisasi dan agensi lain boleh juga menikmati hak tersebut tetapi perlu mendapatkan kebenaran *General Assembly* terlebih dahulu.

Abdul Ghafur Hamid (2019) mengatakan bahawa perkara yang membezakan antara keputusan di dalam kes *contentious* dengan pandangan nasihat adalah sesebuah pandangan nasihat tidak mempunyai kuasa mengikat. Manakala keputusan mahkamah dalam kes-kes *contentious* akan mengikat pihak-pihak kepada pertikaian. Ini bermakna, sepetimana organisasi antarabangsa tidak diwajibkan untuk memohon pandangan nasihat tersebut, mereka juga tidak diwajibkan untuk mematuhi pendapat nasihat itu. Namun begitu, secara praktisnya pandangan nasihat daripada mahkamah akan dipatuhi oleh pihak-pihak yang membuat permohonan. Pandangan nasihat daripada MKA ini jugalah yang telah memberi sumbangan kepada pembentukan undang-undnag adat antarabangsa<sup>19</sup>.

#### Asas Bidangkuasa Mahkamah

Secara amnya, kerelaan pihak-pihak pertikaian merupakan asas kepada bidangkuasa MKA. Jika pihak lawan enggan menerima bidangkuasa MKA, permohonan kepada pertikaian tersebut akan ditolak. Hal ini berdasarkan Perenggan 5 Fasal 38, Peraturan-Peraturan Mahkamah 1978:

*When the applicant State proposes to found the jurisdiction of the Court upon a consent thereto yet to be given or manifested by the State against which such application is made, the application shall be transmitted to that State. It shall not, however, be entered in the General List, nor any action be taken in the proceedings, unless and until the State against which such application is made consents to the Court's jurisdiction for the purposes*

*of the case.*

Kerelaan oleh negara-negara bertikai boleh dizahirkan melalui beberapa kaedah iaitu melalui:

##### a. Perjanjian khas (*compromis*)

Kerelaan dapat disampaikan melalui sebuah perjanjian khas (*compromis*) atau *special agreement* di antara pihak-pihak bertikai yang menyatakan persetujuan mereka untuk merujuk sesuatu perkara kepada MKA dan menerima keputusannya berkaitan perkara tersebut.<sup>20</sup> Kaedah ini telah digunakan di dalam kes tersohor berkaitan kedaulatan Pedra Branca/Pulau Batu Puteh<sup>21</sup>, di mana pihak-pihak bertikai iaitu Malaysia dan Singapura telah mengemukakan sebuah perjanjian khas kepada MKA yang menyatakan persetujuan mereka untuk menerima keputusan MKA berkenaan hak kedaulatan terhadap Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, *Middle Rocks* dan *South Ledge*.

##### b. Klausula bidangkuasa (*Compromissory Clause*)

Selain itu, kerelaan juga dapat disampaikan berdasarkan klausula bidangkuasa di dalam sesebuah triti. Melalui klausula ini, negara-negara triti telah menunjukkan persetujuan daripada awal lagi untuk menerima bidangkuasa MKA dalam apa-apa pertikaian berkaitan pengaplikasian dan tafsiran triti tersebut seperti yang diperuntukkan di dalam Fasal 36(1) Statut. Terdapat beberapa triti *bilateral* dan *multilateral* yang mengandungi klausula bidangkuasa yang menyatakan sekiranya pihak kepada triti tersebut tidak bersetuju dengan tafsiran atau implementasi triti, salah satu daripadanya boleh merujuk pertikaian tersebut kepada mahkamah.<sup>22</sup> Salah satu contoh klausula bidangkuasa dapat dilihat di dalam sebuah triti dua hala antara Greece dan Itali iaitu *Agreement on the delimitation of the respective continental shelves of the two States*<sup>23</sup>. Klausula

bidangkuasa dapat dilihat di dalam Fasal IV triti tersebut yang menyatakan sekiranya pertikaian tidak dapat diselesaikan dalam tempoh empat bulan selepas salah satu daripada pihak berkontrak telah menunjukkan niatnya untuk menjalankan prosedur yang ditetapkan dalam perenggan seterusnya, iaitu melalui saluran diplomatik, pertikaian perlu dikemukakan kepada MKA di atas permintaan salah satu daripada pihak berkontrak atau kepada mana-mana pihak berkuasa antarabangsa yang dipersetujui bersama.

c. Deklarasi di bawah Fasal 36(2)  
Statut MKA

Menurut Fasal 36(2) Statut MKA, negara-negara ahli boleh membuat deklarasi pada bila-bila masa bahawa mereka mengiktiraf bidangkuasa mahkamah, berhubung dengan mana-mana negara lain yang menerima kewajiban yang sama, sebagai wajib *ipso facto* dan tanpa perjanjian khas dalam semua pertikaian berkaitan: (i) penafsiran triti; (ii) apa-apa persoalan undang-undang antarabangsa; (iii) kewujudan apa-apa perkara yang menyebabkan pelanggaran tanggungjawab antarabangsa, jika ia telah dibuktikan; (iv) sifat dan tahap pampasan yang boleh dibuat bagi pelanggaran tanggungjawab antarabangsa.

Peruntukan ini juga menunjukkan bidangkuasa *compulsory* MKA dimana bidangkuasa mahkamah wajib dipakai apabila ia dipersetujui secara sukarela. Tiada kewajiban bagi negara ahli untuk membuat deklarasi ini, oleh sebab itu ia juga dikenali sebagai klausa pilihan atau *optional clause*. Kini, terdapat 74 buah negara yang membuat deklarasi di bawah Fasal 36(2). Pada tahun 1974, Perancis telah menamatkan deklarasi akibat daripada kes *Nuclear Tests*. Selain itu, disebabkan oleh kes *Nicaragua*, Amerika Syarikat juga telah menamatkan deklarasinya pada tahun 1985 disebabkan oleh kes *Nicaragua* (Abdul Ghafur Hamid, 2019).

d. Doktrin *Forum Prorogatum*

Menurut doktrin *Forum Prorogatum*, mahkamah akan menyimpulkan persetujuan sesebuah negara, yang dinyatakan secara tidak formal dan tidak tersirat, selepas kes itu telah dibawa ke hadapannya. Mahkamah akan melaksanakan bidangkuasanya walaupun persetujuan diberikan selepas permulaan prosiding, secara tersirat atau secara tidak formal atau melalui tindakan berturut-turut.

Di dalam kes *Corfu Channel*, United Kingdom telah membawa tuntutan terhadap Albania di hadapan mahkamah melalui permohonan unilateral berdasarkan Fasal 40(1) Statut. Telah dihujahkan bahawa mahkamah mempunyai bidangkuasa di bawah Fasal 36(1) Statut memandangkan ia merupakan perkara yang diperuntukkan secara khas di dalam Piagam PBB. Hujahan ini adalah kerana setelah selesai menangani pertikaian menurut Fasal 36 Piagam PBB, Security Council telah memberi cadangan kepada UK dan Albania, melalui sebuah resolusi, untuk merujuk pertikaian tersebut kepada MKA. Oleh kerana Albania bukanlah pihak kepada statut MKA, negara tersebut sepatutnya mempunyai hak untuk menolak bidangkuasa mahkamah.

Namun begitu, mahkamah telah melihat kepada persetujuan oleh Albania terhadap cadangan Security Council untuk menerima bidangkuasa mahkamah di dalam surat yang dihantar kepada mahkamah bertarikh 12 Julai 1947. Disebabkan itu, mahkamah telah memutuskan bahawa Albania telahpun menunjukkan kerelaan berdasarkan surat tersebut menyebabkan hak untuk menolak bidangkuasa mahkamah terhalang.

## Penghakiman Kes-kes Mahkamah Keadilan Antarabangsa

### *Kes Anglo-Norwegian Fisheries, United Kingdom v Norway (1951)*

Pada tahun 1935, Norway telah menguatkuasakan dekri yang memperuntukkan kawasan perikanan tertentu yang terletak di pantai utaranya untuk kegunaan eksklusif nelayan mereka. Persoalan yang ditimbulkan adalah sama ada dekri ini, yang telah meletakkan kaedah menentukan garis dasar daripada mana keluarasan perairan wilayah Norway perlu dikira, adalah sah di sisi undang-undang antarabangsa. Perkara ini menjadi rumit disebabkan kawasan pantai Norway yang mempunyai banyak *fjord*, teluk, pulau, pulau kecil (*islet*) dan terumbu karang. United Kingdom menghujahkan bahawa beberapa garis dasar yang ditentukan oleh dekri itu tidak mengikut ukuran daripada pantai yang sepatutnya dan ditentukan dengan cara yang tidak wajar. Mahkamah telah memutuskan bahawa, bertentangan dengan hujahan United Kingdom, kaedah yang digunakan mahupun garis dasar yang ditentukan di dalam dekri tersebut tidak bertentangan dengan undang-undang antarabangsa.<sup>2</sup>

Dalam kes ini, MKA telah memberi sumbangan kepada undang-undang laut dalam penentuan zon maritim negara pantai. MKA telah memperkenalkan pengukuran garis dasar lurus bagi pesisiran pantai yang sangat berlekuk atau dipenuhi pulau. Menurut MKA, garis dasar lurus adalah “bebas daripada air pasang surut, dan hanya boleh ditentukan melalui pembinaan geometrik” (Amor, 2012). Hasil daripada keputusan ini, sistem garis dasar lurus ini telah diperkenalkan secara meluas sehingga ia telah diperuntukkan di dalam *Territorial Sea Convention*<sup>25</sup> dan Fasal 7 Konvensyen Undang-Undang Laut Antarabangsa.

### *Kes North Sea Continental Shelf, Jerman v Denmark (1969)*

Kes ini berkaitan sebuah pertikaian di antara Republik Persekutuan Jerman dengan Denmark dan Belanda mengenai persempadanan pelantar benua di Laut Utara. Kes ini telah dibawa ke MKA melalui perjanjian khas. Pada awalnya, kedua-dua prosiding dilakukan secara berasingan, tetapi disebabkan Denmark dan Belanda mempunyai kepentingan yang sama, mahkamah telah menggabungkan kedua-dua prosiding tersebut. Di dalam keputusan mahkamah pada 20 Februari 1969, mahkamah mendapati bahawa garis sempadan yang dipertikaikan perlu ditentukan melalui persetujuan di antara pihak-pihak dan berdasarkan prinsip ekuiti sehingga setiap pihak memperoleh kawasan-kawasan pelantar benua yang meliputi pemanjangan semula tanah wilayah di bawah laut. Mahkamah telah menolak hujahan bahawa persempadanan perlu dilakukan menurut prinsip *equidistance* seperti yang diperuntukkan di dalam *Geneva Convention on the Continental Shelf 1958*. Mahkamah juga telah mengambil kira bahawa Jerman tidak meratifikasi konvensyen tersebut. Oleh itu, mahkamah memutuskan bahawa prinsip *equidistance* tidak wujud di dalam konsep asas hak terhadap pelantar benua, dan prinsip itu bukanlah peraturan di bawah undang-undang adat antarabangsa.<sup>26</sup>

Menurut Amor (2012), MKA dalam kes ini telah memperkenalkan konsep doktrin pelantar benua kepada undang undang laut, di mana ia memberi definisi kepada pelantar benua sebagai pemanjangan semula daripada tanah wilayah negara pantai ke dalam dan bawah laut. Konsep ini telah diiktiraf dan diterapkan di dalam Fasal 76 KUULA. Di samping itu, kes ini juga amat penting kerana ia merupakan pengaplikasian pertama MKA terhadap konsep ekuiti di dalam undang-undang antarabangsa.

*Kes Sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks and South Ledge (Malaysia v Singapura)*

Pada 24 Julai 2003, Malaysia dan Singapura telah merujuk kepada MKA melalui sebuah perjanjian khas untuk menentukan sama ada Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, *Middle Rocks* dan *South Ledge* berada di bawah kedaulatan Malaysia ataupun Republik Singapura. Mereka juga bersetuju untuk menerima keputusan mahkamah berkaitan perkara tersebut. Pedra Branca/Pulau Batu Puteh merupakan sebuah pulau granit yang mana terdirinya rumah api Horsburgh. *Middle Rocks* pula adalah sebuah ciri maritim yang terdiri daripada beberapa batu di atas air secara kekal, manakala *South Ledge* pula merupakan sebuah *low-tide elevation*.

Dalam penghakiman tersebut, Mahkamah pada awalnya berpandangan bahawa Kesultanan Johor mempunya hak milik asal ke atas Pedra Branca/Pulau Batu Puteh. Namun apabila pertikaian telah *crystallized* pada tahun 1980, hak milik tersebut diserahkan kepada Singapura. Perkara ini telah dibuktikan oleh kelakan pihak-pihak pertikaian sendiri iaitu berdasarkan beberapa tindakan tertentu yang dilakukan oleh Singapura à titre de souverain dan kegagalan Malaysia untuk bertindak balas terhadap perlakuan Singapura. Oleh sebab itu, hak kedaulatan terhadap Pedra Branca/Pulau Batu Puteh diserahkan kepada Singapura. Bagi *Middle Rocks* pula, mahkamah memerhatikan bahawa penilaian terhadap kedaulatan Pedra Branca/Pulau Batu Puteh tidak terpakai terhadap *Middle Rocks*. Oleh itu, hak kedaulatan *Middle Rocks* diberikan kepada Malaysia. Manakala *South Ledge* pula diberikan kepada negara di mana perairan wilayah ianya terletak. Hal ini disebabkan oleh pertindihan perairan wilayah antara Singapura dan Malaysia yang dihasilkan oleh Pedra Branca/Pulau Batu Puteh dan *Middle Rocks*.<sup>27</sup>

**Kelemahan Mahkamah Keadilan Antarabangsa**

Walaupun Mahkamah Keadilan Antarabangsa dianggap sebagai salah satu forum utama dalam penyelesaian pertikaian undang-undang laut, hanya empat hingga lima kes dirujuk kepada mahkamah. Menurut R. Churchill (2017), hanya 27 buah negara sahaja yang telah memilih MKA sebagai forum pilihan. Ada juga yang berpandangan bahawa perkara ini adalah disebabkan oleh bidangkuasa mahkamah sendiri yang bersifat terhad (Lu, 2004).

Negara-negara membangun amat skeptikal terhadap jurisprudens, struktur dan keahlian MKA serta enggan menerima sebarang mekanisme formal bagi penghakiman antarabangsa. Perkara ini dapat dilihat melalui pemilihan prosedur oleh Cuba sewaktu ratifikasi KUULA. Negara Cuba tidak menyatakan secara khusus sama ada memilih ITLOS atau timbang tara, tetapi telah menyatakan secara jelas bahawa ia tidak akan menerima bidangkuasa MKA di bawah Fasal 287.<sup>28</sup> Menurut Sir Robert Jennings, bidangkuasa *ratione personae* yang terhad MKA mencerminkan penyertaannya yang sudah berusia di dalam sistem perundangan dan tidak sesuai dengan masyarakat antarabangsa kontemporari (Boyle, 1997). Terdapat beberapa pihak yang mengatakan bahawa MKA sepatutnya diberi peluang untuk mengembangkan bidangkuasanya terhadap undang-undang laut.<sup>29</sup> Tambahan lagi, kebanyakan negara memandang MKA sebagai forum yang sesuai disebabkan oleh pengalaman MKA dalam membuat keputusan berkaitan undang-undang laut. Terdapat kebenaran di dalam kenyataan bahawa MKA telah banyak mengeluarkan keputusan berkaitan undang-undang laut. Perkara ini dapat dibuktikan berdasarkan jumlah kes yang telah diputuskan oleh PCIJ iaitu sebanyak 9 kes.<sup>30</sup> Antaranya ialah kes *Lotus*<sup>31</sup>, *S.S. Wimbledon*<sup>32</sup> dan *Territorial Jurisdiction of the International Commission of the River Oder*.<sup>33</sup> MKA

sendiri juga telah mengeluarkan 31 keputusan, pandangan nasihat dan perintah substantif di dalam kes-kes maritim (Janis, 1992). Penglibatan PCIJ dan MKA di dalam kes-kes maritim ini secara tidak langsung menyokong pandangan bahawa MKA mempunyai pengalaman yang luas di dalam bidang undang-undang laut.

#### Pertembungan antara ITLOS dan MKA

Penubuhan ITLOS telah menyebabkan kerisauan dalam kalangan beberapa pihak bahawa ia akan menyebabkan perpecahan undang-undang laut daripada undang-undang antarabangsa. Hakim Oda menyatakan bahawa apabila undang-undang laut diasingkan daripada undang undang antarabangsa dan diletakkan di bawah bidangkuasa kehakiman yang berasingan, ia akan menyebabkan kemusnahan terhadap asas undang-undang antarabangsa (Klien, 2004). Hal ini kerana undang undang laut dan undang-undang antarabangsa terjalin erat antara satu sama lain. Beliau juga berpandangan bahawa penubuhan ITLOS telah menggugat kedudukan MKA sebagai organ kehakiman utama PBB seperti yang diperuntukkan dalam Piagam PBB. Menurutnya, segala pertikaian melibatkan undang-undang laut perlu dibawa ke MKA, dan hanya pertikaian yang melibatkan perkara yang sangat teknikal atau masalah bukan kehakiman yang sepatutnya dibawa ke forum penyelesaian pertikaian undang-undang laut yang khas (Lu, 2004).

Hujahan ini telah ditentang oleh Charney di mana beliau mengatakan bahawa forum-forum lain termasuk ITLOS semestinya akan mengambil kira undang-undang antarabangsa awam dalam menyelesaikan sebarang perikaian. Perkara ini disokong oleh pandangan Rossene bahawa tiada bukti yang menyokong pernyataan bahawa kepelbagaiannya kaedah penyelesaian pertikaian akan menyebabkan kerosakan yang serius terhadap kesatuan jurisprudens undang-undang antarabangsa. Tambahan lagi, rujukan terhadap

keputusan MKA telahpun dilakukan di dalam beberapa kes yang diputuskan dibawah prosedur penyelesaian pertikaian KUULA. Sebagai contoh, di dalam kes *The M/V Saiga* dan *Southern Bluefin Tuna* yang dibawa ke ITLOS, pihak pihak yang bertikai telah menggunakan dicta daripada keputusan MKA berkenaan interim measures. Keputusan kes-kes ini menunjukkan pertimbangan terhadap jurisprudens MKA dan telah disebut secara nyata dalam pandangan yang diasingkan<sup>34</sup>.

Di samping itu, ITLOS juga lebih terbuka dalam menerima permohonan entiti selain daripada negara-negara iaitu Organisasi Antarabangsa, Organisasi Bukan Kerajaan Antarabangsa, dan juga entiti bukan negara atau yang status perundangannya masih diragui, seperti Taiwan. Manakala MKA pula hanya menerima negara-negara sahaja sebagai pihak di dalam kes-kes pertikaian.<sup>35</sup> Oleh sebab itu, terdapat pandangan bahawa penubuhan ITLOS adalah perlu disebabkan oleh bidangkuasa MKA yang terhad kepada entiti negara sahaja. Menurut Boyle (1997), perkara ini memberi manfaat kepada entiti seperti Taiwan kerana ia membolehkan entiti tersebut hadir di Tribunal tanpa perlu menyelesaikan persoalan kenegaraan atau status undang-undang entiti tersebut terlebih dahulu. Daripada ini, dapatlah dilihat bahawa ITLOS mempunyai kelebihan berbanding dengan MKA oleh kerana ia lebih mudah untuk diakses, melainkan jika peruntukan Statut MKA dipinda<sup>36</sup>. Beliau turut berpandangan bahawa bidangkuasa terhad *ratione personae* MKA dilihat lebih menimbulkan risiko pemecahan berbanding ITLOS seperti yang dihujahkan oleh Hakim Oda.

Namun begitu, pada hakikatnya MKA merupakan salah satu daripada prosedur yang dicadangkan di bawah Fasal 287 KUULA. Sekiranya pihak bertikai merasakan MKA adalah forum yang terbaik, maka ia akan dipilih oleh pihak-pihak tersebut di dalam deklarasi mereka (Boyle, 1997).

## TRIBUNAL TIMBANG TARA

### Latar Belakang

Fasal 287 (1) (c) yang menyatakan bahawa mana-mana negara bebas untuk memilih cara penyelesaian masalah dan antaranya adalah melalui tribunal timbang tara menurut Lampiran VII Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa 1982. Walaupun ia digelar tribunal, ia tidak wujud secara berasingan atau bersendirian. Tribunal ini mempunyai beberapa orang penimbang tara. Mana-mana negara boleh memohon untuk menyelesaikan pertelingkahan melalui prosedur timbang tara. Kedua-dua tribunal dan prosedur adalah secara ad hoc. Menurut Fasal 2(1) Lampiran VII KUULA, setiap negara yang menjadi ahli berhak untuk melantik empat orang penimbang tara. Senarai penimbang tara mestilah diberikan kepada Setiausaha Agung Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

### Komposisi

Komposisi tribunal timbang tara pula telah disenaraikan dibawah Fasal 3 KUULA. Menurut perenggan (a), tribunal timbang tara tersebut mestilah mempunyai lima orang ahli. Bagi perenggan (b), setiap pihak mestilah melantik seorang ahli yang diutamakan dalam senarai, yang berkemungkinan rakyat mereka. Perenggan (d) pula menyatakan bahawa tiga ahli yang lain mestilah dilantik melalui persetujuan antara pihak-pihak yang terlibat. Pihak yang bertelingkah hendaklah melantik Presiden tribunal timbang tara daripada tiga ahli tersebut. Sekiranya pihak-pihak tersebut tidak boleh mencapai kata sepakat terhadap perlantikan seorang atau lebih ahli yang dilantik daripada perjanjian, atau perlantikan Presiden, dan Presiden bagi ITLOS sewajarnya membuat perlantikan yang diperlukan. Sekiranya Presiden tidak mampu untuk bertindak kerana merupakan salah seorang warganegara terhadap pihak yang bertelingkah, perlantikan hendaklah

dilakukan oleh ahli yang berpengalaman di bawah ITLOS yang tidak menjadi warganegara kepada mana-mana pihak yang terlibat. Perenggan (g) pula menyatakan pihak yang mempunyai kepentingan yang sama hendaklah melantik seorang ahli secara bersama-sama melalui perjanjian. Sekiranya er dapat beberapa orang pihak yang mempunyai kepentingan yang berlainan, setiap salah seorang daripada mereka hendaklah melantik ahli kepada tribunal. Jumlah ahli tribunal yang dilantik secara berasingan hendaklah sedikit berbanding jumlah ahli yang dilantik secara bersama oleh kedua-dua pihak.

### Fungsi dan Prosedur

Fasal 4 Lampiran VII memperuntukkan fungsi tribunal timbang tara iaitu timbang tara ini hendaklah menjalankan fungsi-fungsi selaras Lampiran VII dan peruntukan lain di dalam Konvensyen.

Fasal 5 Lampiran VII menyatakan tentang prosedur yang diperlukan untuk memfailkan permohonan di tribunal timbang tara iaitu tribunal timbang tara akan menentukan prosedurnya kecuali sekiranya pihak yang terlibat bersetuju sebaliknya. Fasal 6 menjelaskan tentang tanggungjawab pihak yang bertikai untuk menyediakan dokumen yang berkaitan, fasiliti dan maklumat dan menyediakan saksi atau pakar apabila diperlukan dan melawat tempat yang terlibat. Perbelanjaan Tribunal hendaklah ditanggung oleh pihak yang bertikai secara bersama menurut Fasal 7. Fasal 8 lampiran yang sama menyatakan bahawa keputusan timbang tara adalah dibuat berdasarkan undi majoriti ahinya. Sekiranya berlaku jumlah undian adalah sama, Presiden hendaklah memberikan kata putus. Tribunal Timbang Tara boleh meneruskan prosiding secara sebelah pihak dan memberikan ganti rugi menurut Fasal 9. Bagi remedii pula, remedii bagi tribunal timbang tara hendaklah tertakluk kepada perkara yang menjadi pertelingkahan dan menyatakan alasan keputusan sebagai

mana yang dinyatakan di dalam Fasal 10. Fasal 11 menyatakan bahawa keputusan dan remedi itu adalah tidak boleh dirayu. Ia sewajarnya dipatuhi oleh pihak yang bertelingkah. Sekiranya terdapat kontroversi antara pihak yang bertelingkah mengenai interpretasi atau cara perlaksanaan remedi boleh dihantar oleh salah satu pihak terhadap keputusan tribunal timbang tara yang membuat keputusan tersebut menurut Fasal 12.

Akhir sekali, Fasal 13 menyatakan bahawa Peruntukan di dalam lampiran ini hendaklah terpakai secara *mutatis mutandis* kepada pihak yang bertikai.

#### Kes Republik Filipina v Republik China

Adalah diketahui bahawa pertikaian tentang hak maritim negara perairan pantai di Laut China Selatan semakin rancak diperkatakan. China telah menuntut hak sejarah atau *historic right* dan hak kedaulatan terhadap pulau-pulau dan perkara yang lain. Filipina yang merupakan salah satu negara yang berkonflik dengan China memulakan proses Arbitrasi di bawah Lampiran VII Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa dan mempersoalkan bahawa tuntutan China terhadap Laut China Selatan adalah bercanggah dengan KUULA 1982. Kedua-dua negara merupakan ahli kepada KUULA 1982. Pada tahun 2006, China menghantar deklarasi mengecualikan semua pertikaian yang melibatkan kedaulatan dan persempadanan sempadan maritim daripada prosedur wajib penyelesaian pertikaian dibawah Seksyen 2 Bahagian XV, yang mana tertakluk kepada sekatan dan pengecualian yang dinyatakan dibawah Seksyen 3 Bahagian XV Konvensyen tersebut. Tribunal Timbang Tara adalah diwujudkan menurut Lampiran VII KUULA, yang menyediakan prosedur biasa dibawah Fasal 287(3), untuk mempertimbangkan tuntutan Filipina. Oleh itu, kes ini merupakan kes timbang tara yang dibawa oleh Republik Filipina terhadap Republik China di bawah

Lampiran VII Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa melibatkan isu di Laut China Selatan termasuk kesahan tuntutan China terhadap kawasan *Nine Dash-line*. Permulaan prosiding undang-undang bermula dengan permohonan Filipina secara bersendirian dibawah perkara penyelesaian pertelingkahan pada 22 Januari 2013. Salah satu kelebihan KUULA adalah ia membenarkan penyelesaian pertelingkahan secara sebelah pihak bagi prosiding di institusi penyelesaian pertelingkahan. Memandangkan terdapat kes sebelum ini yang diputuskan tanpa keizinan terhadap penyelesaian pertikaian, permohonan Filipina telah didengar di tribunal timbang tara dibawah Lampiran VII KUULA. China menolak tuntutan Filipina membawa tuntutan kepada timbang tara dan tidak terlibat dengan prosiding tersebut. Walaubagaimanapun, Fasal 9 Lampiran VII KUULA menyatakan bahawa ‘ketidakhadiran pihak untuk membela diri terhadap kesnya tidak menghalang prosiding tersebut’. Tribunal timbang tara kemudiannya mengambil langkah khusus untuk memastikan kepentingan China dihormati sepenuhnya sepanjang prosedur tersebut. China kemudiannya mengeluarkan *Notes Verbales* dan membuat kenyataan yang memberikan tribunal timbang tara untuk memahami keadaan China.

Antara isu yang menjadi pertikaian adalah persoalan tentang kedaulatan tanah, tetapi sebagai triti yang menjaga perkara dan hubungan maritim, KUULA tidak menyelesaikan isu kedaulatan perairan wilayah, ataupun prosedur penyelesaian pertikiannya menyelesaikan pertikaian maritim yang memerlukan kedaulatan wilayah perlu diadili.

Terdapat 3 tuntutan Filipina iaitu hak maritim di Laut China Selatan di tentukan berdasarkan peraturan di dalam KUULA dan tuntutan China terhadap ‘expansive historic right’ dikawasan ‘Nine-Dash line’ di luar peta China adalah bercanggah dengan KUULA. Selain itu,

ciri maritim yang dituntut oleh kedua-dua negara adalah sama ada *low tide elevations* yang mana berdasarkan undang-undang antarabangsa tidak mempunyai zon maritimnya sendiri atau ia merupakan batu dan tidak mempunyai zon maritime melebihi 12 batu nautika. Akhir sekali adalah perkara yang melibatkan aktiviti China di Laut China Selatan seperti pembinaan pulau buatan dan penambakan laut (yang mana membahayakan persekitaran), perlanggaran hak kedaulatan Filipina di Zon Ekonomi Eksklusif, membenarkan nelayan menangkap spesis yang berbahaya dan menggunakan kaedah penangkapan ikan yang berbahaya dan insiden-insiden yang hampir menyebabkan perlanggaran.

Filipina juga meminta Tribunal melihat tindakan China memburukkan lagi pertikaian semasa proses timbang tara dengan meneruskan pembinaan pulau buatan dan penambakan laut dan juga menghalang tentera Filipina ke kawasan tersebut. Keseluruhan permohonan Filipina adalah sebanyak 15 tuntutan terhadap China

Pada 29 Oktober 2015, *Award on Jurisdiction and Admissibility* dikeluarkan dan Tribunal memutuskan bahawa ketidakhadiran China tidak menghalang prosiding tersebut dan Filipina tidak mencabuli proses memulakan timbang tara seperti yang di dakwa oleh China dan juga Filipina tidak bersetuju resolusi prosedur penyelesaian yang lain bagi pertikaian di Laut China Selatan yang mengecualikan timbang tara dibawah KUULA. Bagi Tuntutan Filipina pula, Tribunal menyatakan bahawa mereka mempunyai bidangkuasa terhadap tujuh tuntutan manakala bidangkuasa tujuh tuntutan yang lain tertakluk kepada apa yang diputuskan berdasarkan merit manakala satu tuntutan lagi memerlukan penjelasan lanjut mengenai skop tersebut.

Bagi tuntutan China terhadap *historic right* di laut China Selatan dan kesahan tuntutan *Nine dash line*, tribunal menolak tuntutan tersebut. Hal ini kerana,

keputusan itu dibuat atas dua sebab iaitu KUULA telah meletakkan limitasi, sistem yang komprehensif terhadap zon Maritim yang membolehkan negara terlibat uang merangkumi kawasan laut dan kawasan dasar laut. Sebab yang kedua adalah kerana China memberikan kerelaan terhadap Konvensyen (*accession*) terhadap KUULA. Sebarang ‘*historic right*’ yang dimiliki oleh China terhadap hidupan dan bukan hidupan di ‘*nine dash line*’ digantikan dengan limitasi zon maritim yang dinyatakan oleh KUULA.

Terdapat 7 tuntutan Filipina yang diterima dan dibincangkan oleh Tribunal seperti China melanggar hak kedaulatan Filipina terhadap sumber bukan hidup di dasar laut, melanggar hak kedaulatan Filipina terhadap benda hidup di Zon Ekonomi Eksklusif dengan mengeluarkan moratorium penangkapan ikan di Laut China Selatan tanpa mengecualikan wilayah perairan Filipina, China gagal megenakan tindakan yang wajar untuk menghalang penangkapan ikan oleh kapal China yang bedaftar dan China tidak mengikut peraturan dengan menghalang penangkapan ikan secara tradisional oleh nelayan Filipina. Selain itu juga, China telah melanggar KUULA dengan membenarkan kapal berdaftar China menangkap spesis terancam dan menggunakan kaedah penangkapan ikan yang berbahaya, melanggar peruntukan KUULA dengan membuat penambakan laut dan membina pulau buatan yang berbahaya kepada terumbu karang dan akhir sekali, membuatkan pertikaian yang berlaku semakin teruk semasa proses arbitrasi dengan meneruskan pembinaan dikawasan terumbu karang, memusnahkan terumbu karang dan memusnahkan bukti keadaan asal terumbu karang tersebut.

Bagi tuntutan terhadap China membenarkan kaedah penangkapan ikan yang berbahaya, Tribunal mempertimbangkan permohonan tersebut namun kekurangan bukti. Bagi pembinaan pulau buatan pula, tindakan Tribunal melantik pakar yang bebas adalah tidak

boleh disangkal untuk aktiviti pembinaan semasa yang dikatakan memberi kesan kepada terumbu karang. Tribunal menyatakan bahawa China telah melanggar Fasal 192 (tanggungjawab awam) bagi pembinaan pulau buatan, Pengorekan telah menyebabkan pencemaran yang bercanggah dengan peruntukan 194(1) dan gagal melindungi ekosistem yang unik bercanggah dengan Fasal 194(5). Tambahan pula tribunal menyatakan bahawa China gagal bekerjasama dengan negara jiran dibawah Fasal 197 dan Laut China Selatan adalah separa terbuka yang juga melanggar tanggungjawab dibawah Fasal 123 KUULA. China juga telah gagal mengikuti prosedur yang dibuat untuk membuat penilaian yang munasabah aktiviti yang dibuat memberikan perubahan kepada persekitaran Marin dibawah Fasal 206. Akhir sekali bagi tuntutan ketujuh, Tribunal telah mengambil pendirian tradisional dengan tidak memberi prospektif deklarasi terhadap tindakan China pada masa akan datang kerana percaya bahawa Award atau remedi yang dikenakan telah menjelaskan tentang hak dan tanggungjawab setiap negara.<sup>37</sup>

#### TRIBUNAL TIMBANG TARA KHAS

Bagi menyelesaikan masalah pertelingkahan maritim antarabangsa yang melibatkan pengalaman dan pengetahuan saintifik atau teknikal yang tinggi, Lampiran VIII KUULA turut memperuntukan tentang Timbang Tara Khas. Fasal 1 Lampiran VIII memperuntukan tentang bidangkuasa khas timbang tara tersebut untuk memutuskan pertelingkahan bagi tafsiran atau pengaplikasian peruntukan di dalam Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa yang melibatkan perikanan, perlindungan dan pemeliharaan persekitaran marin, kajian saintifik marin atau navigasi termasuk pencemaran daripada kapal dan pembuangan sampah ke dalam laut.

Fasal 2 Lampiran VIII

memperuntukan tentang senarai pakar. Klaus (1) menyatakan antara pakar yang terlibat mestilah pakar yang mahir dalam bidang perikanan, perlindungan dan pemuliharaan persekitaran marin, kajian saintifik marin dan navigasi, termasuk juga pencemaran daripada kapal laut dan pembuangan sampah. Klaus (2) pula menyatakan senarai pakar hendaklah digubal dan dikekalkan, contohnya di dalam bidang perikanan adalah daripada Organisasi Makanan dan Agrikultur Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, di dalam bidang pemeliharaan dan perlindungan persekitaran marin adalah dibawah Program Alam Sekitar Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu, di dalam bidang kajian saintifik marin adalah dibawah *Intergovernmental Oceanographic Commission*, bidang navigasi dan pencemaran adalah dibawah Organisasi Maritim Antarabangsa atau kes-kes dimana 191 badan subsidiari terlibat mengambil kira mana-mana organisasi, program atau suruhanjaya yang menjalankan fungsi ini. Setiap negara yang terlibat boleh melantik dua pakar teknikal dalam setiap bidang berbanding pakar undang-undang yang berpengalaman dibawah Klaus (3). Nama individu yang dipilih mestilah dikemukakan dalam senarai yang sewajarnya. Menurut Klaus (4), sekiranya senarai pakar yang dilantik kurang daripada dua, Negara Ahli berhak membuat perlantikan lanjut sekiranya diperlukan. Akhir sekali, menurut Klaus (5), nama pakar hendaklah dikekalkan dalam senarai sehingga dikeluarkan oleh negara yang membuat perlantikan tersebut.

Komposisi tribunal timbang tara khas diperuntukan dibawah Fasal 3. Menurut perenggan (a), ia terdiri daripada lima orang ahli. Seterusnya, perenggan (b) menyatakan bahawa pihak yang memulakan prosiding sewajarnya melantik dua ahli yang dipilih daripada senarai yang berkaitan dengan pertelingkahan dan salah seorang boleh dipilih di kalangan warganegaranya. Perenggan (c) pula menyatakan pihak bertikai yang satu lagi

hendaklah juga melantik dua ahli yang dipilih daripada senarai yang berkaitan yang mana salah seorang boleh dipilih dikalangan warga negaranya. Pihak yang bertelingkah hendaklah melantik Presiden bagi tribunal timbang tara khas boleh dilantik melalui perjanjian dipilih daripada senarai, yang mana mestilah mempunyai kewarganegaraan negara pihak ketiga, kecuali pihak tersebut setuju sebaliknya menurut perenggan (d). Sekiranya pihak yang bertelingkah gagal mencapai persetujuan untuk melantik Presiden, Setiausaha Agung Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu akan membuat perlantikan tersebut di bawah perenggan (e). Akhir sekali, prosedur di tribunal timbang tara khas adalah sama seperti di Tribunal Timbang Tara. Akhir sekali, perenggan (g) menyatakan pihak yang mempunyai kepentingan bersama hendaklah melantik dua ahli bersama melalui perjanjian. Sekiranya ada berbagai-bagai pihak yang mempunyai kepentingan yang berbeza kepentingan, setiap satu hendaklah melantik seorang ahli masing-masing.

## KESIMPULAN

Seperti yang dinyatakan di dalam hujahan diatas, adalah ditegaskan bahawa terdapat 4 kaedah untuk menyelesaikan pertikaian bagi isu-isu yang melibatkan undang-undang laut iaitu Tribunal antarabangsa, Mahkamah Keadilan Antarabangsa, Tribunal Timbang Tara dan Tribunal Timbang Tara Khas. Setiap institusi mempunyai bidang kuasa yang berbeza namun mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk memberikan penyelesaian kepada pihak yang bertelingkah. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa institusi penyelesaian pertikaian di bawah Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa 1982 adalah fleksibel kerana ia membolehkan setiap negara memilih cara penyelesaian pertikaian yang munasabah dan yang paling penting sekali adalah peruntukannya boleh dikuatkuasakan melalui prosedur yang

mandatori yang akhirnya menghasilkan keputusan yang mengikat. Peruntukan dan kaedah penyelesaian pertikaian juga mesra pengguna dimana ia mengambil kira permintaan negara yang ingin mengecualikan isu yang sensatif terhadap kepentingan nasional daripada terikat dengan prosedur penghakiman yang mandatori.

Terdapat juga kritikan di mana kaedah penyelesaian pertelingkahan di bawah Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa 1982 ini tidak mempunyai taring kerana ia setiap pertikaian yang berlaku tidak semuanya mampu diselesaikan dengan segera seperti di dalam kes penambakan laut oleh Singapura di sekitar negeri Johor (*Singapura v Malaysia*) dimana keputusan Tribunal Antarabangsa menyatakan perlu ada konsultasi antara Malaysia dan Singapura untuk mewujudkan satu badan yang bebas untuk mengkaji kesan penambakan laut tersebut kepada alam sekitar dan sempadan maritim antara Singapura dan Malaysia.<sup>38</sup>

Selain itu, kewujudan pelbagai forum untuk memdengar pertikaian undang-undang laut antarabangsa boleh merosakkan perkembangan jurisprudens secara konsisten. Walaubagaimanapun sebenarnya, tiada forum yang mempunyai kuasa yang kukuh untuk mentafsirkan peruntukan di dalam Konvensyen Undang-Undang Laut Antarabangsa 1982.

Sebaliknya, kaedah penyelesaian pertikaian yang termaktub di bawah Konvensyen Undang undang Laut Antarabangsa 1982 menyarankan penyelesaian dengan cara yang aman kepada pihak-pihak yang terlibat. Oleh itu, tidak dapat tidak, kewujudan keempat-empat institusi penyelesaian pertikaian undang-undang laut antarabangsa ini telah banyak menunjukkan jalan keluar kepada negara yang bertelingkah seterusnya mengeluarkan '*precedent*' baru terhadap perkembangan undang-undang laut antarabangsa.

## NOTA

<sup>1</sup> The Fletcher School of Law and Diplomacy, Chapter 9: LOSC Dispute Resolution Provisions, *Tufts University* <https://sites.tufts.edu/lawofthesea/chapter-nine/> (18 Disember 2020).

<sup>2</sup> Abdul Ghafur Hamid @ Khin Maung Sein, *Public International Law: A practical Approach*, Edisi Keempat, Thomson Reuters Asia, Subang Jaya, 2019, hlm 311.

<sup>3</sup> A.O. Adede, ‘Statement of disputes arising under the Law of the Sea Convention’, (1975) *American Journal of International Law* 69, hlm 798, 800-801.

<sup>4</sup> A.O. Adede, ‘Statement of disputes arising under the Law of the Sea Convention’, hlm 801-818.

<sup>5</sup> Fasal 1(2) Lampiran VI KUULA 1982.

<sup>6</sup> Fasal 1(4) ibid.

<sup>7</sup> Fasal 4 ibid.

<sup>8</sup> Mensah, T.A. ‘The significance of the International Tribunal for the Law of the Sea for the shipping industry,’ (2004) *WMU J Marit Affairs* 3, hlm 118 <https://doi.org/10.1007/BF03195054> (18 Disember 2020).

<sup>9</sup> Fasal 288(1) KUULA 1982.

<sup>10</sup> Boyle, A., ‘Dispute Settlement and the Law of the Sea Convention: Problems of Fragmentation and Jurisdiction’, (1997) *International and Comparative Law Quarterly* 46, hlm 48.

<sup>11</sup> Boyle, A., ‘Dispute Settlement and the Law of the Sea Convention: Problems of Fragmentation and Jurisdiction’, hlm 47.

<sup>12</sup> Akmalhisham Jasni, et. al, ‘Penghakiman Tribunal Antarabangsa Untuk Undang-Undang Laut (ITLOS) Dalam Isu Penambakan Wilayah di Singapura’, hlm 59.

<sup>13</sup> Fasal 3, Statut Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

<sup>14</sup> Fasal 8, Statut Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

<sup>15</sup> Fasal 13, Statut Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

<sup>16</sup> Fasal 2, Statut Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

<sup>17</sup> B Lu, ‘Dispute Settlement on the Law of The Sea: An Overview’ (2004), hlm 8.

<sup>18</sup> Abdul Ghafur Hamid @ Khin Maung Sein, *Public International Law: A practical Approach*, hlm 425.

<sup>19</sup> Abdul Ghafur Hamid @ Khin Maung Sein, *Public International Law: A practical Approach*, hlm 425.

<sup>20</sup> United Nations Conference on Trade and Development, Dispute Settlement, hlm 12.

<sup>21</sup> *Sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks and South Ledge (Malaysia/Singapore) judgement of May 23, 2008.*

<sup>22</sup> United Nations Conference on Trade and Development, Dispute Settlement, hlm 13.

<sup>23</sup> *Agreement on the delimitation of the respective continental shelves of the two States (Greece/Italy)* (24 May 1977).

<sup>24</sup> Fisheries, United Kingdom v Norway [1951] ICJ Rep 116.

<sup>25</sup> Fasal 4, Convention on the Territorial Sea and the Contiguous Zone 1958.

<sup>26</sup> North Sea Continental Shelf, Germany v Denmark (1969) ICJ Rep 3.

<sup>27</sup> Sovereignty Over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks and South Ledge, Malaysia v Singapore, Judgment, Merits, ICJ GL No 130.

<sup>28</sup> N Klien, *Dispute Settlement in the UN Convention on the Law of The Sea*, Cambridge University Press, Cambridge, 2004, hlm 55.

<sup>29</sup> N Klien, *Dispute Settlement in the UN Convention on the Law of The Sea*, Cambridge University Press, Cambridge, 2004, hlm 55.

<sup>30</sup> MW Janis, ‘The law of the sea tribunal and the ICJ: Some notions about utility’ (1992) 16(2) *Marine Policy*, hlm 104.

<sup>31</sup> 1927 PCIJ Reports, Ser A, No 10.

<sup>32</sup> 1923 PCIJ Reports, Ser A, No 1.

<sup>33</sup> 1929 PCIJ Reports, Ser A, No 23.

<sup>34</sup> N Klien, *Dispute Settlement in the UN Convention on the Law of The Sea*, Cambridge University Press, Cambridge, 2004, hlm 55.

<sup>35</sup> Fasal 34, Statut Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

<sup>36</sup> AE Boyle, 'Dispute settlement and the Law of the Sea Convention: problems of fragmentation and jurisdiction' (1997) 46 *Int'l & Comp. LQ*, hlm 53.

<sup>37</sup> Duncan French, 'In the Matter of the South China Sea Arbitration: Republic of Philippines v People's Republic of China, Arbitral Tribunal Constituted under Annex VII to the 1982 United Nations Law of the Sea Convention, Case No. 2013-19, Award of 12 July 2016', hlm 48-56.

<sup>38</sup> Thomas A Mensah, 'Max Plank Yearbook of United Nation Law', hlm 307-323.

## RUJUKAN

Abdul Ghafur Hamid @ Khin Maung Sein. 2019. *Public International Law A Practical Approach*. Selangor: Thomson Reuter Asia.

*Agreement on the delimitation of the respective continental shelves of the two States (Greece/Italy)* (24 May 1977).

Akmalhisham Jasni, Sharifah Munirah Alatas and Sharifah Mastura Syed Abdullah. 2015. Penghakiman Tribunal Antarabangsa Untuk Undang-Undang Laut (ITLOS) Dalam Isu Penambakan Wilayah di Singapura. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 42 (2): 53-75.

Amor, BS. 2012. The International Court of Justice and the Law of the Sea. *Anuario Mexicano de Derecho internacional*.

Boyle, A. 1997. Dispute Settlement and the Law of the Sea Convention: Problems of Fragmentation and Jurisdiction. *International and Comparative Law Quarterly* 46: 37- 54  
<https://doi.org/10.1017/S0020589300060103> [18 Disember 2020].

Chapter 9: LOSC Dispute Resolution

Provisions. T.t. *The Fletcher School of Law and Diplomacy, Tufts University*  
<https://sites.tufts.edu/lawofthesea/chapter-nine/> [18 Disember 2020].

Churchill, R. 2017. The General Dispute Settlement System of the UN Convention on the Law of the Sea: Overview Context, and Use. 48(3-4) *Ocean Development & International Law* 48(3-4): 216-238.

*Corfu Channel case (Preliminary Objection)* (1948) ICJ Rep 15.

Duncan French. 2017. In the Matter of the South China Sea Arbitration: Republic of Philippines v People's Republic of China, Arbitral Tribunal Constituted under Annex VII to the 1982 United Nations Law of the Sea Convention. Case No. 2013-19, Award of 12 July 2016. *Environmental Law Review* 19(1): 48-56.

*Fisheries, United Kingdom v Norway* [1951] ICJ Rep 116.

International Court of Justice. t. th. Basis of Jurisdiction. <https://www.icj-cij.org/en/basis-of-jurisdiction#1> [5 Januari 2021].

Klien, N. 2004. *Dispute Settlement in the UN Convention on the Law of The Sea*. Cambridge: Cambridge University Press.

Konvensyen Undang-Undang Laut Antarabangsa 1982.

Lu, B. 2004. Dispute Settlement on the Law of The Sea: An Overview. [https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract\\_id=560181](https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=560181) [5 Januari 2021].

Mensah, T.A. 2004. The significance of the

International Tribunal for the Law of the Sea for the shipping industry.  
*WMU J Marit Affairs* 3: 111–121  
<https://doi.org/10.1007/BF03195054> [18 Disember 2020].

MW Janis. 1992. The law of the sea tribunal and the ICJ: Some notions about utility. *Marine Policy* 16(2): 102-106.

Nik Anuar Nik Mahmud, Mohd Fuad Jali & Mohammad Agus Yusoff. 2004. *Penambakan Laut oleh Singapura dan Kesannya ke atas Sempadan Wilayah dan Sosio Ekonomi Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

*North Sea Continental Shelf, Germany v Denmark* (1969) ICJ Rep 3.

Piagam Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu.

*Sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks and South Ledge (Malaysia/Singapore)* judgement of May 23, 2008.

Statut Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

Thomas A Mensah. 2000. The Dispute Settlement Regime of the 1982 United Nations Convention on the Law of the Sea. Dlm. *Max Planck Yearbook of United Nations Law*. p 307-323. Netherlands: Springer Netherlands.,

United Nations. 2003. *United Nations Conference on Trade and Development*. Dispute Settlement. New York: United Nations.

Mahfuzah Hamizah Binti Mohd Ariff  
 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).  
 E-mel: A168144@siswa.ukm.edu.my

Nurul Iman Binti Khairul Anwar  
 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).  
 E-mel: A168591@siswa.ukm.edu.my

Nur Ilyana Binti Ezwan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).  
 E-mel: A168822@siswa.ukm.edu.my